

## SURAH TERBELAH



Surah: 84 Juzuk: 30 Bil. Ayat: 25

*Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,  
lagi Maha Mengasihani.*

1. Apabila langit terbelah.
2. Dan ia mematuhi (perintah) Tuhannya dan sudah semestinya ia patuh.
3. Dan apabila bumi diratakan.
4. Dan ia memuntahkan apa yang ada di dalamnya dan menjadi kosong.
5. Dan ia mematuhi (perintah) Tuhannya dan sudah semestinya ia patuh.
6. Wahai manusia! Sesungguhnya engkau telah bekerja keras menuju Tuhanmu, maka engkau akan menemuiNya.<sup>(1)</sup>
7. Adapun sesiapa yang diberikan catatannya dari sebelah kanannya,
8. Maka dia akan dihisab dengan cara yang mudah.
9. Dan dia akan kembali kepada kaum keluarganya (yang sama-sama beriman) dengan gembira.
10. Dan adapun sesiapa yang diberikan catatannya dari sebelah belakangnya.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِذَا السَّمَاءُ انشَقَّتْ ①

وَأَذِنَتْ لِرَبِّهَا وَحُقَّتْ ②

وَإِذَا الْأَرْضُ مُدَّتْ ③

وَأَلْقَتْ مَا فِيهَا وَتَخَلَّتْ ④

وَأَذِنَتْ لِرَبِّهَا وَحُقَّتْ ⑤

يَتَأْتِيهَا الْإِنْسَانُ إِنَّكَ كَادِحٌ إِلَى رَبِّكَ كَدْحًا  
فَمَلِّقِيهِ ⑥

فَأَمَّا مَنْ أُوتِيَ كِتَابَهُ بِيَمِينِهِ ⑦

فَسَوْفَ يَحْصِبُ حِسَابًا يَسِيرًا ⑧

وَيَنْقَلِبُ إِلَىٰ أَهْلِهِ مَسْرُورًا ⑨

وَأَمَّا مَنْ أُوتِيَ كِتَابَهُ وَرَاءَ ظَهْرِهِ ⑩

1 Manusia di dunia ini, baik disedari atau tidak, adalah dalam perjalanan kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala. Dia tidak dapat mengelak daripada menemui Allah untuk menerima pembalasanNya sama ada perbuatannya yang buruk mahupun yang baik.

11. Maka dia akan berteriak:  
"Celakalah aku!"
12. Dan dia akan masuk ke dalam api neraka yang marak menjulang.
13. Sesungguhnya dia dahulu (di dunia) bergembira di kalangan keluarganya (yang sama-sama kafir).
14. Sesungguhnya dia menyangka bahawa dia tidak akan kembali (kepada Tuhannya).
15. Bahkan (dia tetap kembali)! Sesungguhnya Tuhannya sentiasa melihat keadaannya.
16. Maka Aku bersumpah demi cahaya merah pada waktu senja.
17. Demi malam dan apa yang diselubunginya.
18. Demi bulan apabila menjadi purnama.
19. Sesungguhnya kamu akan menjalani peringkat demi peringkat (dalam kehidupan).<sup>(1)</sup>
20. Maka mengapa mereka tidak mahu beriman?
21. Dan apabila al-Quran dibacakan kepada mereka, mereka tidak (mahu) sujud.
22. Bahkan orang yang kafir itu mendustakannya.

فَسَوْفَ يَدْعُوا ثُبُورًا ﴿١١﴾

وَيَصَلَّىٰ سَعِيرًا ﴿١٢﴾

إِنَّهُ كَانَ فِي أَهْلِهِ مَسْرُورًا ﴿١٣﴾

إِنَّهُ ظَنَّ أَن لَّنْ يَحُورَ ﴿١٤﴾

بَلَىٰ إِنَّ رَبَّهُ كَانَ بِهِ بَصِيرًا ﴿١٥﴾

فَلَا أَقْسِمُ بِالشَّفَقِ ﴿١٦﴾

وَاللَّيْلِ وَمَا وَسَقَ ﴿١٧﴾

وَالْقَمَرِ إِذَا اتَّسَقَ ﴿١٨﴾

لَتَرْكَبُنَّ طَبَقًا عَن طَبَقٍ ﴿١٩﴾

فَمَا لَهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٢٠﴾

وَإِذَا قُرِئَ عَلَيْهِمُ الْقُرْآنُ لَا يَسْجُدُونَ ﴿٢١﴾

بَلِ الَّذِينَ كَفَرُوا يُكَذِّبُونَ ﴿٢٢﴾

1 Peringkat demi peringkat ialah setitis air mani sampai dilahirkan, kemudian melalui masa kanak-kanak, remaja, dan sampai dewasa. Daripada hidup menjadi mati, kemudian dibangkitkan kembali.

23. Sedangkan Allah lebih mengetahui apa yang mereka sembunyikan (dalam hati mereka).
24. Maka khabarkan kepada mereka dengan azab yang sangat pedih.
25. Kecuali orang yang beriman dan melakukan kebaikan, mereka akan mendapat pahala yang tidak putus-putus.

وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا يُوعُونَ ﴿٢٣﴾

فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٢٤﴾

إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَهُمْ

أَجْرٌ عَزِيزٌ مِّمَّنُونِ ﴿٢٥﴾

